

Warta suku tahun yang menghubungkan penulis Bahasa dengan pekerja di pelayanan Kristian di Malaysia

Agregator/Penyatu. Berperanan Membuat Bahan Sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia Lebih Mudah Dijangkau

“Saya tidak tahu ada buku Kristian yang ditulis dalam BM. Buku Indonesia yang diimport sangat mahal dan bahasanya juga agak susah dimengerti,” kata Jenny bila dia melihat buku-buku dalam BM yang dipamirkan semasa satu konsert Kristian baru-baru ini. “Kami tidak ada pilihan kecuali mendapatkan buku-buku dari Indonesia... Dirampas beberapa kali bila masuk negara. Yang paling menggerunkan adalah ajaran tersimpang yang masuk ke gereja-gereja melalui buku yang diimport. Kepopularan tidak menjamin ajaran yang benar,” komentar seorang pastor dari Lembah Kelang.

Ada ramai orang Kristian di Malaysia yang boleh menulis buku-buku berlandaskan ajaran yang baik. Tetapi tidak seperti buku-buku Inggeris dan Cina, mereka tidak dapat menjualkannya secara terbuka di kedai-kedai buku. “Dulu kami ada buku-buku BM... tetapi kami jara sebab buku sering dirampas. Jadi, kami ambil keputusan untuk jual buku dalam Bahasa Inggeris saja,” ujar seorang pemilik kedai buku Kristian.

Jadi, di mana kita boleh membeli buku Kristian BM?

“Organisasi kami menterjemah banyak bahan Kristian yang bagus ke dalam buku-buku kecil, dan dijual dengan harga yang sangat minimal. Tetapi masih banyak pembaca di Sabah & Sarawak yang belum dapat kami jangkau,” kata seorang penerbit.

“Dulu kami sering kirim buku dari Semenanjung ke Sabah & Sarawak, tetapi sering ditahan di pelabuhan. Jadi kami hanya dapat menjual dengan bebas buku-buku dan CD Kristian dalam Bahasa Inggeris sahaja,” kata seorang pengedar.

“Saya ada menulis dan menterjemah buku ke dalam BM, dan saya hanya dapat mencetak ratusan saja untuk dipasarkan di gereja-gereja di Bandar dan dari denominasi saya saja. Tetapi saya belum ada solusi bagaimana saya boleh memperkenalkan tulisan saya ke Semenanjung dan Sarawak,” ujar seorang penulis yang juga penerbit dari Kota Kinabalu.

Baru-baru ini kami menghadiri satu perjumpaan tentang materi Kristian untuk kanak-kanak. Sumber yang baik itu didistribusi secara percuma kepada gereja-gereja. Sama seperti Wawasan Penabur, mereka juga perlu bantuan dari gereja untuk menyebarkan bahan tersebut.

Jadi, bagaimana 65% daripada jumlah Kristian di Malaysia yang berbahasa Malaysia dapat mengakses bahan sumber Kristian?

Wawasan Penabur memainkan peranan sebagai Barnabas untuk mendorong penerbit tempatan mengejar impian mereka. Ini kami lakukan melalui persekutuan di kalangan penulis, penterjemah, penerbit dan pastor.

Saudara yang dikasihi,

Banyak perkara yang memberangsangkan untuk Wawasan Penabur sejak Pertemuan Rakan Penabur yang lalu. “Melakukan, bukan hanya omong kosong,” itulah yang telah kami lakukan sejak Wawasan Penabur ditubuhkan.

Melalui peranan penyatu/pengumpul, dan kerjasama dengan Komisi BM NECF, kami telah berjaya menghubungkan pembaca dan gereja Sabah untuk mendapatkan buku-buku yang diterbitkan oleh penerbit serta penulis dari Semenanjung. Puluhan dan ratusan buku telah dipesan dan dikirim melalui boring pesanan yang kami sebar.

Dan kami juga telah menerbitkan 4 buah buku di bawah Wawasan Penabur: siri **OBOR Remaja & OBOR Belia**. Mereka boleh didapati dengan harga yang murah iaitu RM 6.00 sebuah.

Sejak pertengahan September, kami telah menyebarkan lebih dari seribu buah buku ke Sabah, Sarawak; dan responnya sangat menggalakkan.

Kami juga telah melancarkan website kami di <http://www.wawasanpenabur.org>. Selamat membaca dan kami nantikan maklum balas anda.

Berita Rakan Penabur ialah penerbitan elektronik Wawasan Penabur yang mengandungi berita dan maklumat tentang pelayanan kami serta bahan sumber Kristian dalam BM yang baru.

Untuk maklumat dan maklum-balas, hubungi:
Wawasan Penabur
P.O.Box: 8327, Pejabat Pos Kelana Jaya
46787 Petaling Jaya, SELANGOR
Fax: 03-7727 7271
Email: wawasan.penabur@gmail.com
Website: www.wawasanpenabur.org

Bahan Sumber

Buku-buku baru dari Wawasan Penabur



OBOR Remaja adalah satu kurikulum 5-tahun yang bersepadu dan sistematik untuk belia (13-18 tahun). Sejumlah 30 buku telah dirancang untuk bahan pemuridan selama 5-tahun ini. Ia diterjemah dari *Young Teens Aflame & Youth Aflame* yang sudah terbukti dalam pengajaran Alkitabiah secara sistematik dan menantang para belia – dengan menggunakan cara yang kreatif dan praktikal. Buku 4 dan seterusnya juga sesuai untuk pemuridan orang dewasa.

Harganya murah terjangkau, hanya **RM 6/buah**.



3 buku baru dari Kuching...

Hubungi Angelina Lai di al_rppl@yahoo.co.id.

Tuhan dan Aku. 40 pelajaran untuk sekolah minggu. **RM 10.**

Bertumbuh Dalam Anugerah. 22 pelajaran untuk pemuridan 1-1 atau pertemuan muda-mudi. **RM 6.**

Aku dan Dia. Ditulis khusus untuk pasangan dan suami isteri. **RM 5.**

Salah satu kunci peranan kami ialah memastikan gereja BM tahu terbitnya buku-buku baru, dan menghubungkan gereja dan pembaca dengan penerbit. Dengan ini, kami membantu penulis dan penerbit yang berkecimpung dalam usaha yang mencabar ini supaya hasil karya mereka dijangkau oleh para pembaca.

Berdoalah bersama kami tatkala kami:

- merangsang para penerbit dalam peranan mereka menerbitkan bahan sumber Kristian untuk lading yang sudah mengguning ini.
- menghubung para penulis dan penterjemah dengan para penerbit.
- menggumpul dan menyatukan buku-buku untuk memenuhi keperluan gereja BM.
- membina hubungan interaktif dengan gereja-gereja BM supaya kami tahu keperluan mendesak mereka.
- menerbitkan buku-buku untuk memenuhi keperluan generasi muda.
- mengekalkan pelayanan perkataan tertulis ini selagi diizinkan Tuhan.

Anda boleh bekerjasama kami sebagai rakan kongsi dan sekutu dengan membeli buku-buku kami dengan harga yang rendah untuk dibawa ke Sabah & Sarawak. Untuk menjangkau gereja BM yang tersebar di seluruh Malaysia, kami perlukan kaki dan tangan yang sanggup!

Fakta dan Angka

- Buku-buku dari Indonesia tidak mudah didapati lagi sejak akhir 1980-an.
- Kerana kurangnya penawaran, buku-buku Indonesia lebih mahal dari buku-buku Bahasa Inggeris & Cina yang diimport.
- Kristian di Malaysia tidak mempunyai pilihan lain kecuali untuk terus beli buku Bahasa Indonesia walaupun tidak mudah difahami kerana banvak perbezaan dari segi bahasa.

Pelayanan Wawasan Penabur ialah menyediakan buku-buku Kristian dalam BM yang bermutu tinggi dengan luas dan murah. **Bagaimana anda boleh bantu?**

- Buku-buku ke Sabah & Sarawak harus ditunjang supaya harganya murah. Ada dan gereja anda boleh mensponsori buku-buku tersebut untuk saudara seiman di pedalaman.
- 30 buah buku telah dirancang dalam siri OBOR Remaja/Belia. Setiap buku dalam siri tersebut memerlukan dana untuk penulisan, penterjemahan, pencetakan dan pengedaran. Anda dan gereja anda boleh mendanai projek ini.
- Buku-buku perlu dibawa secara langsung kepada saudara seiman kita di Sabah dan Sarawak. Anda boleh Bantu jika anda dalam kunjungan bisnis, cuti atau misi ke Sabah/Sarawak.
- Anda boleh berkongsi berita tentang Wawasan Penabur kepada yang lain!

Pengumuman

◆ Minggu ke-2 Disember

Kesyukuran Skala Kecil Wawasan Penabur. Nantikan pengumuman lanjut di laman web kami.